BIL 2 / 2022 (APRIL)

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

Perkara Penting Mengenai Insurans Perlindungan Banjir Kenderaan Bermotor

Penyelesaian Pertikaian Kewangan Alternatif Dan Tabiat Bijak Dalam Pelaburan

Program Subsidi Pembelian Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak Keluarga Malaysia (MyCRS)

Perkara Penting Pengguna Perlu Tahu Mengenai Kontrak Perkhidmatan Hadapan









INISIATIF BANK BERGERAK

UNTUK RAKYAT DAN EKONOMI

ISSN 2180-3684

9 772180 368003

IMBAS KOD QR UNTUK MUAT TURUN MAJALAH RINGGIT

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

FOMCA
GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

Isi Kandungan

04 Inisiatif Bank Bergerak Di Bawah Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)



06 Perkara Penting Mengenai Insurans Perlindungan Banjir Kenderaan Bermotor



11 Penyelesaian Pertikaian Kewangan Alternatif Dan Tabiat Bijak Dalam Pelaburan



14 Program Subsidi Pembelian Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak Keluarga Malaysia (MyCRS)



17 Perkara Penting Pengguna Perlu Tahu Mengenai Kontrak Perkhidmatan Hadapan



Sidang Redaksi

Penasihat
Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
- Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Dr. Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Maizatul Aqira Ishak
Baskaran Sithamparam
Nur Asyikin Aminuddin

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 24, Jalan SS1/22A,
47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7876 4648
Faks: +603 7877 1076
E-mel: fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Tel: +603 2698 8044
Sesawang: www.bnm.gov.my

Diurus Terbit Oleh
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A,
47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7875 2392
E-mel: info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Rakan Kongsi Penerbitan Digital
Wordlabs Global Sdn Bhd
No.617, Block D, Kelana Square,
17 Jalan SS7/26, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7880 4200 / +603 7886 4933
Fax: +603 7803 0500
E-mel: info@wordlabs.com.my
Sesawang: www.wordlabs.com.my

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Inisiatif Bank Bergerak Di Bawah Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)



Bagi memudahkan lebih ramai rakyat mendapat perkhidmatan perbankan, kerajaan telah menawarkan peruntukan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) sebanyak RM18 juta untuk bank tempatan menyediakan unit bank bergerak di kawasan pedalaman dan mukim di luar bandar di seluruh negara.

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) merupakan antara bank yang giat dengan inisiatif bank bergerak. Setakat Mac 2022, kedua-dua bank ini telah menyediakan 11 unit bank bergerak di bawah PEMULIH di Kedah, Kelantan, Pahang, Johor, Selangor, Sabah dan Sarawak.

Bank bergerak akan beroperasi menurut jadual lawatan mingguan ke lokasi yang telah ditentukan. Di samping itu, inisiatif ini juga bertujuan meningkatkan rangkuman kewangan di Malaysia, serta memastikan golongan yang layak mendapat bantuan kerajaan akan menerima bantuan kewangan dengan mudah. Menurut Bank Negara Malaysia, terdapat sekitar 600 mukim di Malaysia yang masih tidak mempunyai pusat akses kewangan yang mencukupi.

Salah satu aspek penting yang ditekankan dalam pelaksanaan bank bergerak ialah memastikan bank berperanan menyokong masyarakat luar bandar untuk menggunakan akaun perbankan di samping meningkatkan pengetahuan kewangan mereka. Fungsi perkhidmatan perbankan serta kepentingannya dalam kehidupan seharian masyarakat merupakan antara maklumat utama yang akan ditekankan.

Tanpa akses yang mencukupi kepada perkhidmatan kewangan, masyarakat kita cenderung untuk menyimpan secara tunai, melalui barang bernilai seperti emas atau menyimpan dalam bentuk harta benda seperti hartanah mahupun binatang ternakan. Melalui inisiatif bank bergerak, masyarakat diberi pilihan untuk membuat

PERKHIDMATAN ASAS DITAWARKAN DI BANK BERGERAK:



Menyimpan dan mengeluarkan wang.



Khidmat nasihat mengenai perbankan dalam talian/digital.



Pembukaan akaun, pemindahan wang dan pembayaran bil.

bolehlah disalurkan kepada Bank Negara Malaysia di Pusat Perhubungan Pelanggan (BNMTELELINK) di talian 1-300-88-5465 atau melalui borang di laman sesawang telelink.bnm.gov.my.

Kesimpulannya, inisiatif bank bergerak sememangnya merupakan pendekatan terbaik bagi meringankan masalah untuk mendapatkan perkhidmatan perbankan di luar bandar. Bank bergerak dapat merapatkan jurang dan memastikan pengguna di kawasan pedalaman mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan tanpa perlu menempuh perjalanan yang jauh. Ianya juga mampu menjadi perantara untuk menggalakkan pendaftaran digital bagi penawaran perkhidmatan kewangan secara menyeluruh untuk pengguna di luar bandar. Usaha ini juga adalah sejajar dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan pendigitalan dalam ekonomi.

simpanan dengan lebih selamat dan mudah diakses jika berdepan dengan situasi kecemasan. Selain daripada itu, perancangan kewangan jangka panjang seperti menyimpan untuk tujuan menunaikan haji juga dapat dijalankan di bank bergerak.



Sebarang rungutan serta aduan – seperti perkhidmatan yang terhad atau tidak konsisten, layanan kurang elok, kemudahan kurang sesuai –

Sumber: www.bnm.gov.my



Perkara Penting Mengenai Insurans Perlindungan Banjir Kenderaan Bermotor

Perlindungan Mampu Milik Dan Mudah Diakses

Kejadian banjir kilat di pelbagai kawasan telah mengakibatkan kerosakan harta benda dan kerugian besar kepada individu, keluarga dan perniagaan. Banjir bukan lagi suatu perkara baharu dan semakin kerap terjadi akibat perubahan iklim, pemanasan global dan kesesakan pembangunan infrastruktur. Dengan itu, timbullah persoalan tentang kesiapsiagaan bagi menghadapi banjir, serta kaedah untuk memulihkan kembali kerugian terhadap barangan peribadi dan perniagaan.

Prasyarat Insurans Banjir

Dalam keadaan perubahan iklim yang tidak menentu ini, masih ramai rakyat Malaysia yang tidak mempunyai perlindungan insurans terhadap banjir dan bencana alam yang lain. Sebagai contoh, terdapat hanya 4% Polisi Kenderaan (Komprehensif) dan 30% Polisi Kebakaran (Kerosakan Harta Benda) mengambil perlindungan banjir pada tahun 2021 (sehingga suku ketiga).

Walaupun ramai rakyat Malaysia semakin mempunyai kesedaran untuk memperoleh perlindungan banjir sejak lima tahun lepas, namun kadarnya masih sangat rendah. Perlindungan banjir di bawah Polisi Kebakaran (Kerosakan Harta Benda) pula kekal rata pada kadar kira-kira 30% antara tahun 2017 sehingga 2021 (sehingga suku ketiga).





Berdasarkan data yang dikumpul oleh *Insurance Services Malaysia* (ISM) bertarikh 5 Januari 2022

Atas kesedaran mengenai kesukaran yang dihadapi oleh rakyat Malaysia akibat banjir baru-baru ini, Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) ingin menyarankan agar pengguna mengambil atau membuat penambahan perlindungan banjir (peril khas). Kesemua syarikat insurans di bawah PIAM menawarkan insurans perlindungan tambahan banjir di bawah Polisi Kenderaan (komprehensif) dan Polisi Kebakaran. Di bawah polisi-polisi tersebut, pengguna mempunyai pilihan untuk menambah perlindungan banjir, tertakluk kepada premium tambahan dan budi bicara penanggung insurans masing-masing.

Secara amnya, premium bagi penambahan perlindungan banjir bagi Polisi Bukan Tarif Motosikal (Komprehensif) boleh didapati daripada serendah RM10 setahun. *(Nota: Ini adalah anggaran untuk motosikal di bawah 599cc)*.

Perlindungan Banjir Kenderaan Bermotor

Memandangkan perlindungan banjir adalah perlindungan tidak wajib di bawah polisi tarif standard kebakaran dan kenderaan, premium tambahan yang akan dikenakan untuk memasukkan perlindungan banjir, adalah seperti berikut:

Polisi Tarif Kebakaran: RM0.86 untuk setiap RM1,000 jumlah nilai yang diinsuranskan (0.086%)

Polisi Tarif Motor: RM5 untuk setiap RM1,000 jumlah nilai yang diinsuranskan (0.5%)

Polisi Bukan Tarif: Berbeza antara satu polisi dengan polisi yang lain

Sebagai ilustrasi berdasarkan tiga jenis model kereta yang berbeza (bagi produk motor bukan tarif), premium perlindungan banjir tambahan yang perlu dibayar adalah antara 14 sen hingga RM1.78 sehari.

	Proton Saga* 1332CC Nilai yang Diinsuranskan: RM19,000	Toyota Camry* 1998CC Nilai yang Diinsuranskan: RM77,000	Mercedes Benz AvantGarde* 1991CC Nilai yang Diinsuranskan: RM127,000
Premium	Sekitar RM400 - RM500 setahun	Sekitar RM1,300 - RM1,500 setahun	Sekitar RM1,900 - RM2,300 setahun
Premium Perlindungan Banjir (tambahan)	Sekitar RM50 - RM100 setahun	Sekitar RM 220 - RM400 setahun	Sekitar RM300 - RM650 setahun
Premium Perlindungan Banjir (sehari)	Sekitar 14 - 27sen sehari	Sekitar 60sen – RM1.10 sehari	Sekitar 82sen – RM1.78 sehari

* NCD – 45%, kenderaan dikeluarkan pada tahun 2015

Polisi Tarif Kebakaran Untuk Harta Kediaman: Premium Tambahan Yang Perlu Dibayar Untuk Perlindungan Banjir

	Polisi Tarif Kebakaran	
Jenis Polisi	**Kebakaran (Kediaman)**	**Pemilik Rumah**
	Teres satu tingkat (dalam bandar)	**Teres satu tingkat (kawasan pedalaman)**
Nilai yang Diinsurankan	RM218,000	RM152,000
Premium	RM113.36	RM161.12
Premium Banjir	**RM187.48**	**disertakan**
Jumlah premium	**RM300.84**	**RM161.12**
	Teres dua tingkat (dalam bandar)	**Berkembar setingkat (kawasan pedalaman)**
Nilai yang Diinsuranskan	RM340,000	RM225,000
Premium	RM176.80	RM238.50
Premium Banjir	**RM292.40**	**disertakan**
Jumlah premium	**RM469.20**	**RM238.50**
	Tiga tingkat berkembar (dalam bandar)	**Berkembar setingkat (kawasan pedalaman)**
Nilai yang Diinsuranskan	RM1,492,000	RM514,000
Premium	RM775.84	RM544.84
Premium Banjir	**RM1,283.12**	**disertakan**
Jumlah premium	**RM2,058.96**	**RM544.84**

Jadual di atas menunjukkan beberapa ilustrasi mengenai premium tambahan yang perlu dibayar untuk perlindungan banjir yang hanya merupakan contoh pengiraan berdasarkan andaian sahaja.



Tabung Bantuan Banjir CSR: Membantu Pemandu

Pada 15 Januari 2022, PIAM telah melancarkan satu Dana Bantuan Banjir CSR sebanyak RM2.43 juta untuk membantu pemegang polisi yang terjejas akibat banjir. Bantuan ini adalah berbentuk subsidi terhad untuk kos pembersihan mekanikal (tidak termasuk pembaikan kenderaan) untuk motosikal, kenderaan persendirian dan kenderaan komersial di mana-mana bengkel yang sesuai.

Dalam keadaan biasa, penambahan perlindungan pada pertengahan tempoh polisi adalah dibenarkan tertakluk kepada premium tambahan dan budi bicara *pengunderaitan penanggung insurans masing-masing. Pemegang polisi dinasihatkan untuk menyemak dengan ejen/penanggung insurans mereka untuk sebarang butiran dan bantuan lanjut.

Dana Bantuan Banjir CSR yang ditubuhkan atas sumbangan daripada PIAM dan syarikat-syarikat ahlinya yang memberi subsidi terhad kepada semua jenis pemegang polisi termasuk Polisi Komprehensif dengan atau tanpa perlindungan banjir, Polisi Kebakaran dan Kecurian Pihak Ketiga dan Polisi Pihak Ketiga. Pemegang-pemegang polisi boleh melayari MyCSR-Flood.my untuk maklumat lanjut. Namun begitu, orang ramai digalakkan untuk mendapatkan perlindungan bencana banjir bagi melindungi risiko terhadap harta benda mereka.

**Pengunderaitan/Underwriting = Proses pemilihan dan pengelasan risiko yang dilakukan oleh pengendali takaful terhadap permohonan awal seseorang yang berminat untuk menyertai takaful.*



Sumber: www.piam.org.my



Penyelesaian Pertikaian Kewangan Alternatif Dan Tabiat Bijak Dalam Pelaburan

TIADA sesiapa yang ingin mengalami kerugian apabila membuat sesuatu pelaburan. Namun, hakikatnya kerugian merupakan salah satu risiko yang terpaksa ditanggung sebagai seorang pelabur.

Walau bagaimanapun, risiko ini dapat dikurangkan atau diurus dengan baik jika anda mengambil beberapa langkah berjaga-jaga dan berhemat sebelum membuat sebarang keputusan untuk melabur.

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai langkah-langkah yang perlu diambil sebelum melabur, layari laman web InvestSmart® di www.investsmartsc.my.

Selain daripada itu, jika terjadi sebarang pertikaian kewangan antara pelabur dan pengantara pasaran modal, pelabur boleh mendapatkan penyelesaian alternatif di Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti atau SIDREC. Walau bagaimanapun, pertikaian itu mestilah melibatkan ahli-ahli SIDREC yang terdiri daripada bank (pelaburan, komersial dan Islam), beberapa institusi kewangan pembangunan, penyedia dan pengedar skim persaraan swasta, broker saham, broker niaga hadapan, syarikat pengurusan unit amanah dan pengurusan dana yang berlesen dan/atau diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.



Langkah-langkah di bawah merupakan tabiat yang berhemat dan boleh membantu pelabur. Pertimbangan secara menyeluruh dan lebih mendalam juga perlu, sebelum anda membuat sebarang keputusan yang seterusnya.



Pertama sekali, anda perlu menyiasat terlebih dahulu jika **institusi pelaburan tersebut adalah sah** di sisi undang-undang. Setiap syarikat atau entiti pelaburan yang sah harus dilulus dan dilesenkan oleh badan pengawalseliaan seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM), Bank Negara Malaysia atau Bursa Malaysia. Anda boleh menyemak senarai nama syarikat atau entiti berkenaan melalui mana-mana badan pengawalseliaan tersebut. Jika nama syarikat atau entiti tersebut tidak disenaraikan sebagai syarikat atau entiti berlesen, maka terdapat risiko tinggi jika anda melabur atau berurusan dengan mereka.



Kedua, fahami latar belakang atau **model perniagaan produk** atau perkhidmatan pelaburan pilihan anda. Selidik dengan lebih mendalam dan teliti. Kefahaman ini akan mengurangkan risiko anda daripada membuat keputusan yang melulu dan tidak mendapat fakta yang secukupnya, seterusnya mengurangkan kerugian daripada pelaburan anda.



Ketiga, fahami **kemungkinan kerugian pelaburan** anda jika terjadi apa-apa pergolakan dalam pasaran saham atau ekonomi yang boleh menjejaskan pulangan atau prestasi pelaburan anda.



Keempat, jika skim pelaburan yang ditawarkan menjanjikan pulangan wang yang sangat lumayan, **tidak masuk akal dan tanpa risiko,** ianya berkemungkinan merupakan satu skim cepat kaya. Terdapat pelbagai jenis pelaburan yang hanya indah khabar dari rupa.



Kelima, jangan sesekali memindahkan wang ke akaun persendirian mana-mana wakil syarikat atau entiti pelaburan. Tiada skim pelaburan sah yang memerlukan pelabur untuk memindahkan wang ke akaun persendirian. Sebaliknya, pelabur hanya diminta untuk memindahkan wang ke akaun rasmi syarikat atau entiti yang berlesen dan berdaftar dengan badan-badan pengawalseliaan seperti SSM, Bank Negara Malaysia atau Bursa Malaysia.

Apa itu SIDREC?

- SIDREC ditubuhkan untuk menyediakan satu saluran bebas dan adil bagi para pelabur dan ahli-ahli SIDREC bagi menyelesaikan pertikaian kewangan secara efektif daripada segi masa dan kos.
- SIDREC merupakan saluran alternatif selain mahkamah bagi mendapatkan penyelesaian. Proses penyelesaian pertikaian di SIDREC merangkumi pengurusan kes, mediasi dan adjudikasi.

Perkhidmatan yang ditawarkan di SIDREC:

1	Percuma kepada pelabur.
2	Pertikaian ini mestilah melibatkan ahli SIDREC.
3	Pelabur yang merupakan pelabur individu atau pemilik sebuah syarikat milikan tunggal.
4	Melibatkan produk atau perkhidmatan pasaran modal yang dibeli daripada atau ditawarkan oleh ahli SIDREC atau wakilnya serta tuntutan kewangan pihak yang menuntut tidak melebihi RM250,000 bagi Skim Mandatori.

Pelabur juga boleh mengemukakan tuntutan kepada SIDREC melalui alamat emel info@sidrec.com.my atau dengan menghubungi 03-22822280. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sidrec.com.my.



Sumber: www.sidrec.com.my

Program Subsidi Pembelian Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak Keluarga Malaysia (MyCRS)

Berdasarkan statistik kemalangan jalan raya tahun 2019, 19% daripada mangsa kemalangan jalan raya adalah golongan kanak-kanak. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,276 kes melibatkan kematian. Penggunaan dan pemilihan kerusi keselamatan kanak-kanak yang memenuhi standard, bersesuaian dengan saiz dan umur kanak-kanak serta mematuhi tatacara pemakaian yang betul berupaya mengurangkan risiko kecederaan parah dan kematian akibat nahas jalan raya sehingga pada tahap 70%.



Untuk menangani isu ini, Kerajaan Malaysia di bawah Bajet 2022 telah menyediakan Subsidi Pembelian Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak Keluarga Malaysia (MyCRS) untuk kumpulan B40. Skim ini diuruskan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), sebuah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Apakah Itu Program MyCRS?

Program MyCRS merupakan satu inisiatif kerajaan di bawah Bajet 2022 melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia. Inisiatif ini merupakan satu langkah yang baik untuk meringankan beban golongan B40 bagi membeli kerusi keselamatan kanak-kanak yang berkualiti pada harga yang berpatutan. Pada masa yang sama dapat menjamin keselamatan kanak-kanak yang merupakan aset masa hadapan negara. Program MyCRS ini merupakan suatu tanggungjawab Kerajaan kepada Keluarga Malaysia untuk memperjuangkan dan meningkatkan tahap keselamatan penumpang kanak-kanak di dalam kenderaan di Malaysia.



Siapakah Yang Layak Memohon Subsidi Ini?

MyCRS ditawarkan kepada rakyat Malaysia yang berada dalam lingkungan pendapatan isi rumah 40% terendah yang dikenali sebagai kumpulan B40 (kategori isi rumah). Berikut merupakan kriteria kelayakan pemohon subsidi ini:

- Penerima Bantuan Prihatin Rakyat 2021 (BPR 2021) dalam kalangan B40 (kategori isi rumah).
- Berkahwin dan mempunyai anak/ anak angkat/anak jagaan berusia kurang daripada 12 tahun.
- Ibu/bapa tunggal/balu/janda/ duda yang mempunyai anak berusia kurang daripada 12 tahun.
- Anak angkat mestilah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara.
- Warganegara yang menetap di Malaysia.

Bagaimanakah Cara Untuk Memohon MyCRS?

- Ibu bapa perlu membuat permohonan di laman sesawang www.mycrs.gov.my yang dibuka bermula 1 Mac 2022 sehingga 30 September 2022. Pastikan nama pemohon adalah sama dengan nama penerima BPR 2021.
- Keputusan permohonan boleh disemak di laman sesawang www.mycrs.gov.my bermula 1 April 2022 bagi permohonan yang dibuat sebelum 31 Mac 2022. Seterusnya, bagi permohonan yang dibuat selepas 1 April 2022, keputusan permohonan boleh disemak selepas tiga (3) hari bekerja.
- Sekiranya layak menerima subsidi, ibu bapa boleh terus membuat pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak dengan harga subsidi di mana-mana premis yang berdaftar dengan MIROS. Senarai premis yang berdaftar boleh didapati di laman sesawang MyCRS (www.mycrs.gov.my).
- Bagi anak yang baru dilahirkan sebelum 1 Oktober pada tahun 2022, ibu bapa boleh mengemukakan bukti kelahiran anak yang dilahirkan pada tahun 2022 berserta bukti yang ibu bapa juga merupakan penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) atau Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dengan mengemukakan emel kepada mycrs@miros.gov.my. Namun begitu, pihak MIROS akan sentiasa mengemaskini tarikh tutup permohonan ini tertakluk kepada ketersediaan baki subsidi.

Manfaat Subsidi MyCRS

Subsidi MyCRS dijangka boleh dimanfaatkan oleh 188,000 penerima, dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM30 juta. Penerima yang berkelayakan dinasihatkan untuk segera membuat pembelian di premis yang tersenarai bagi mengelakkan kehabisan kuota. Potongan sebanyak 50% atau sehingga maksimum RM150 daripada harga jualan diberikan dalam program subsidi MyCRS ini. Berikut adalah perincian program subsidi bagi pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak. Harga jualan adalah harga asal kerusi keselamatan kanak-kanak sebelum subsidi.

Jenis Subsidi	Harga Jualan CRS	Jumlah Subsidi
Subsidi 1	RM300 ke bawah	Potongan 50%
Subsidi 2	RM301 ke atas	RM150

Kriteria Produk Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak Di Bawah Program MyCRS

Di bawah program MyCRS, ibu bapa hanya boleh membeli kerusi keselamatan kanak-kanak yang mematuhi piawaian standard UNR44 dan R129 dan diperakui sah oleh JPJ (mempunyai surat kelulusan jenis komponen), serta mempunyai label Kod QR MIROS.







Berikut adalah jenis-jenis kerusi keselamatan kanak-kanak mengikut kesesuaian fizikal kanak-kanak:

Jenis Kerusi Keselamatan/Saiz (CM)	40	50	60	70	80	90	100	110	120	130	140
Tempat Pembawa Bayi 	▶ Menghadap ke belakang sahaja ▶ Untuk bayi sehingga 15 bulan / bergantung kepada ketinggian ▶ <13 kg ▶ Menggunakan 3 atau 5 poin *harness* ▶ Tapak tidak diwajibkan										
Kerusi Boleh Tukar 	▶ Wajib menghadap ke belakang ▶ 15 bulan sehingga 4 tahun / bergantung pada ketinggian ▶ Sehingga 18/19 kg ▶ 5 poin *harness* ▶ ISOFIX + pemuatan kaki + pengikat atas (Fasa 1) ▶ Tali pinggang keselamatan kenderaan (Fasa 3)										
Kerusi Sokongan 							▶ Menghadap ke hadapan sahaja / bergantung kepada ketinggian ▶ Tiada had berat ▶ Mungkin mempunyai ISOFIX ▶ Tali pinggang kenderaan sahaja (Fasa 2)				

Sumber: www.mycrs.gov.my

Perkara Penting Pengguna Perlu Tahu Mengenai Kontrak Perkhidmatan Hadapan



KETIKA negara dilanda wabak pandemik COVID-19, ramai yang berdepan dengan masalah kewangan, baik pengguna mahupun pembekal atau penyedia perkhidmatan. Sejak bulan Mac 2020, pelbagai rancangan aktiviti tidak dapat dijalankan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) telah menerima sebanyak 2,635 jumlah aduan daripada pengguna yang telah membayar wang pendahuluan untuk tempahan pelbagai majlis atau aktiviti bagi tahun 2020 dan 2021. Ramai penyedia perkhidmatan seperti penyedia dewan, restoran, jurugambar dan juga katerer makanan yang telah mengambil wang pendahuluan enggan mengembalikan wang pendahuluan sedangkan aktiviti tersebut perlu dibatalkan apabila pihak kerajaan memperkenalkan arahan PKP.

Para pengguna perlu tahu tempahan untuk sesuatu majlis yang melibatkan penyedia perkhidmatan atau pembekal dikenali sebagai Kontrak Perkhidmatan Hadapan dan termaktub di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Perkara ini merupakan satu kontrak antara pengguna dan pembekal atau penyedia perkhidmatan.

Seksyen 17 akta tersebut menyatakan:

17. (1) Bagi maksud seksyen ini, "kontrak perkhidmatan hadapan" ertinya suatu kontrak bagi perkhidmatan pengguna yang akan diadakan atas dasar berterusan dan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Seseorang pengguna yang membatalkan suatu kontrak perkhidmatan hadapan boleh dikenakan amaun yang berikut oleh pembekal:

(a) lima peratus daripada harga penuh kontrak;

(b) kos bagi apa-apa barang yang digunakan atau disimpan oleh pengguna; atau

(c) bahagian harga penuh kontrak yang merupakan perkhidmatan yang diterima oleh pengguna.

(3) Jika pengguna telah membayar kepada pembekal wang lebih daripada yang pembekal berhak mengenakan di bawah perenggan (2)(a),(b) atau (c) pembekal hendaklah membayar balik bayaran yang lebih itu atau membolehkan bayaran balik didapati, dalam masa empat belas hari dari pembatalan.

(4) Pembatalan sesuatu kontrak perkhidmatan hadapan hendaklah mula berkuasa:

(a) pada masa yang pembatalan itu dimaklumkan kepada pembekal; atau

(b) jika pembekal tidak dapat dihubungi dengan cara yang munasabah, pada masa pengguna menunjukkan kepada pembekal dengan cara yang munasabah dalam hal keadaan itu tentang niatnya untuk membatalkan kontrak perkhidmatan hadapan itu. 30 Undang-Undang Malaysia Akta 599

(5) Tertakluk kepada subseksyen (6), pembatalan kontrak perkhidmatan hadapan boleh dimaklumkan dengan perkataan atau perlakuan atau kedua-duanya yang menunjukkan niat pengguna untuk membatalkan kontrak itu, dan tidaklah perlu untuk menggunakan apa-apa perkataan tertentu, selagi niat untuk membatalkan kontrak itu jelas.

(6) Jika pembekal dapat dihubungi dengan cara yang munasabah, subseksyen (5) hendaklah mula berkuat kuasa tertakluk kepada apa-apa peruntukan nyata dalam kontrak perkhidmatan hadapan itu yang menghendaki notis pembatalan dibuat secara bertulis.

Sekiranya penyedia perkhidmatan atau pembekal enggan memulangkan baki atau lebihan wang, maka pengguna haruslah:

Berbincang dengan cara yang baik bersama pihak penyedia perkhidmatan atau pembekal.





Beri mereka tempoh masa untuk memulangkan wang kepada pengguna.

Membuat laporan polis. Pastikan semua dokumen, resit pembayaran dan juga perbualan melalui e-mel mahu pun perbualan melalui WhatsApp disimpan untuk dijadikan bukti. Sekiranya tiada bukti ini, maka isu ini akan menjadi sukar untuk mendapatkan jalan penyelesaian.



Para pengguna kemudiannya perlu memfailkan kes ini ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia atau TTPM. Setiap negeri mempunyai cawangan TTPM masing-masing. Kos untuk memfailkan kes ini adalah sebanyak RM5.00.



TTPM ADALAH SATU SALURAN ALTERNATIF UNTUK PENGGUNA MEMBUAT TUNTUTAN SECARA MUDAH, MURAH DAN CEPAT SERTA MENDAPAT KEPUTUSAN BEBAS DAN ADIL. JUMLAH MAKSIMA TUNTUTAN YANG BOLEH DIBUAT ADALAH TIDAK MELEBIHI RM50,000.

Di TTPM, pengguna perlu mengisi borang untuk memfailkan kes. Satu tarikh akan diberikan dan kedua-dua pihak iaitu pihak yang menuntut (pengadu) dan pihak penentang (pihak penjual/pembekal) perlu hadir. Seorang Presiden akan mengadili kes tuntutan bagi kedua-dua pihak. Prosedur untuk memfailkan kes boleh dirujuk di laman sesawang TTPM atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di www.kpdnhep.gov.my.

Jadi kepada pengguna yang menghadapi masalah mengenai kontrak perkhidmatan hadapan dengan penyedia perkhidmatan atau pembekal, anda boleh melayari laman sesawang KPDNHEP untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut. Akhir kata, jadilah seorang pengguna yang bijak dan peka dengan hak-hak mereka.

TTPM BERFUNGSI UNTUK MENDENGAR DAN MENGADILI TUNTUTAN-TUNTUTAN PENGGUNA YANG DIBUAT DI BAWAH AKTA DAN TERTAKLUK KEPADA PERUNTUKAN AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999 (Akta 599), SECARA BEBAS DAN ADIL.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

invest smart®
A Securities Commission Malaysia Initiative

AWAS! SILAP LABUR, DUIT LEBUR

7 Cara Melindungi Diri Anda Dari Menjadi Mangsa Scam Bila Melabur

1



Berwaspada dengan peluang pelaburan yang ditawarkan di platform media sosial

2



Jangan deposit wang anda ke dalam akaun bank milik individu

3



Hanya buat pembayaran ke akaun bank rasmi entiti yang berlesen atau berdaftar dengan SC

4

Imbas di sini

Sila rujuk Senarai Peringatan Pelabur SC sebelum melabur

5

Imbas di sini

Daftar awam pemegang lesen SC

Senarai pengendali pasararan diiktiraf

Pastikan anda hanya berurusan dengan individu/ entiti yang dilesenkan/ berdaftar dengan SC

6



Sila rujuk portal "Semak Mule" PDRM untuk mengesahkan sama ada akaun bank dan nombor telefon yang digunakan telah dilaporkan kepada polis

7



Jika ragu, hubungi SC di talian 03-6204 8999 atau aduan@seccom.com.my

Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ialah badan berkanun dibiayai sendiri dengan tanggungjawab untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia.

www.sc.com.my

@SecComMY

invest smart®

InvestSmart® merupakan inisiatif pendidikan pelabur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

@InvestSmartSC

www.investsmartsc.my

@InvestSmart_SC

@InvestSmart SC